

29/04/2000

PM bangga kejayaan unit foto Bernama

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Unit Foto Bernama yang menyambut ulang tahun ke-20 tahun ini banyak membantu kerajaan menerangkan pelbagai dasar pembangunan kepada rakyat.

"Setiap hari unit ini menyebarkan foto yang merakamkan pelbagai peristiwa suka duka yang berlaku di seluruh negara termasuk aktiviti pembangunan yang dijalankan kerajaan untuk pengetahuan rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam kata aluannya sempena ulang tahun Unit Foto Bernama yang disambut di Wisma Bernama di sini, hari ini.

Katanya, foto Bernama kerap menjadi pilihan akhbar tempatan dan asing kerana keistimewaannya.

"Saya juga berbangga dengan kemampuan Unit Foto Bernama yang dapat menghasilkan foto bermutu tinggi, menarik, kreatif dan eksklusif yang setanding foto diterbitkan oleh unit foto agensi berita asing atau media mereka," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berharap Unit Foto Bernama serta jurugambar profesionalnya terus merakamkan peristiwa dan kegiatan tempatan dan luar negara.

(END)